

Berita Harian
23 August 2013

Sun Life bakal jadi syarikat insurans hayat kelapan terbesar

Sun Life Malaysia, yang dimiliki sayap pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd dan firma Kanada, Sun Life Financial Inc, yakin menjadi syarikat insurans hayat kelapan terbesar di negara ini dalam tempoh dua tahun lagi.

Penubuhan penyedia insurans hayat terbaru di pasaran tempatan itu adalah hasil pengambilalihan CIMB Aviva Assurance Bhd dan CIMB Aviva Takaful Bhd daripada Aviva International Holdings Ltd dan CIMB Group Holdings Bhd oleh Khazanah dan Sun Life pada April lalu.

Khazanah dan Sun Life masing-masing menguasai 49 peratus dalam firma insurans itu manakala CIMB Group masih mengekalkan dua peratus kepentingan di dalamnya.

Ia menawarkan rangkaian produk insurans hayat dan takaful menerusi dua unit perniagaan, Sun Life Malaysia Assurance Bhd, yang mengendalikan perniagaan konvensional serta Sun Life Malaysia Takaful Bhd, yang menguruskan perniagaan produk patuh Syariah.

Ketua Eksekutif Sun Life Malaysia, Ooi Say Teng, berkata sebagai peserta baru dalam sektor insurans hayat di Malaysia, kumpulan akan menggunakan pendekatan yang kreatif dan dinamik dalam usahanya mengukuhkan kedudukan dalam pasaran tempatan.

Rangkaian produk inovatif

Beliau berkata, strategi membangunkan saluran pengedaran yang menyeluruh, terutama menggunakan rangkaian yang dimiliki oleh CIMB Group di seluruh negara serta memperkenalkan rangkaian produk yang inovatif akan membolehkannya mencapai sasaran menguasai 2.7 peratus pasaran insurans hayat di Malaysia menjelang 2015.

“Dalam tempoh itu, kami berharap dapat meningkat daripada kedudukan ke-12 menjadi syarikat insurans hayat kelapan terbesar di Malaysia.

“Sun Life Malaysia juga mahu menjadi penyumbang kelima terbesar kepada perniagaan ASEAN Sun Life dalam tempoh itu,” katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran dan pengenalan logo Sun Life Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran disempurnakan Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia, Judith St George dan Pengerusi Lembaga Pengarah Sun Life Malaysia, Datuk Dr Syed Muhamed Syed Abdul Kadir.